

NURUL MAISYARAH menunjukkan carta yang digunakannya untuk menabung

AMALAN menabung sebagai persediaan masa depan.

# Rancang perbelanjaan menabung secara bijak

Dalam mendepani ketidak-tentuan ekonomi pada tahun 2017, semakin ramai berfikir untuk berjimat cermat. Menabung secara sistematik ialah amalan yang wajar disuburkan bermula pada awal tahun.

**NURUL Maisyarah Samsudin, 30,** tidak menduga perkongsian di laman sosial pada November lalu tentang teknik tabungan yang diamalkan sejak awal 2016 menjadi tular di dunia maya. Meraih lebih 13,000 perkongsian, sesetengah blog turut mempopularkan kaedahnya yang disifatkan efektif untuk dicontohi bermula tahun 2017.

Ahli perniagaan dalam sektor penerbitan buku itu berkata, selepas mewarnai carta tabungannya pada minggu ketiga bulan November, dia merakam gambar cartanya itu dan memuat naik di Facebook miliknya.

"Apabila saya memuat naiknya, saya melihat ramai yang sudah mula kongsikannya. Tetapi, saya tidak sangka ia sampai jadi tular. Saya anggap telah berkongsi kebaikan dan ia membuat saya mahu berkongsi lebih banyak kebaikan," kata Nurul Maisyarah yang menetap di Kluang, Johor ketika dihubungi *Kosmo!* minggu lalu.

Kaedah yang digunakan Nurul Maisyarah memerlukan konsistensi dalam tabungan sejak awal tahun dengan membahagikannya kepada 52 minggu dalam setahun. Minggu pertama dimulai dengan RM1 diikuti minggu kedua RM2, minggu ketiga RM3 sehinggalah pada minggu terakhir iaitu minggu ke-52 di bulan Disember sebanyak RM52 yang membolehkan dia mengumpulkan RM1,378 setahun.

Nurul Maisyarah berkata, semangat menabung mula tercetus sejak Disember 2015 semasa dia mengemas barang-barangnya dan mendapati terlalu banyak barang yang telah dibelanjakan tapi langsung tidak digunakan.

"Sebelum tahun 2016 saya terlalu banyak berbelanja misalnya membeli barangan kosmetik dan sebagainya yang akhirnya hanya menjadi sampah.

Kesedaran tercetus bahawa keadaan ini tidak boleh berterusan dan saya perlu berubah. Tambah pula diri turut terkesan dengan situasi ekonomi semasa.

"Saya serius untuk menabung dan banyak melihat contoh-contoh carta perancangan dengan merujuk kumpulan-kumpulan penggemar perancangan di laman sosial sehinggalah saya menemui idea ini yang dilihat menarik dan kreatif. Lalu saya mengamalkannya.

"Namun, apa yang saya hendak tekankan ialah disiplin menabung itu amat penting dalam menabung. Pernah juga pada pertengahan tahun, terasa semakin berat apabila nilai yang perlu ditabung semakin besar tetapi perlu memaksa diri," katanya.

Lebih menarik, tabungannya disalurkan untuk tujuan murni apabila graduan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) itu menggunakan hasil tabungannya untuk membayar hutang pengajian Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

"Setelah memasukkan wang ke dalam tabung berupa bekas kuih raya itu setiap minggu, saya akan mewarnakan bahagian minggu berkenaan pada carta yang saya hasilkan. Saya berasa amat berbaloi melakukan tabungan. Saya akan meneruskan kaedah tabungan tersebut pada tahun ini," ujarnya optimis.

Trend menabung dijangka kekal pada tahun ini berikutan cabaran ekonomi yang tidak menentu. Semakin ramai dijangka mula mengamalkan berjimat cermat dalam perbelanjaan.

**Timbalan Dekan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Dr. Mohd. Azlan Shah Zaidi** menjangkakan trend



MOHD. AZLAN

itu berterusan dan tabungan isi rumah di negara ini pada tahun 2017 dijangka bertambah namun tidak banyak berbeza dengan 2016.

"Mereka menabung untuk menghadapi keadaan yang tidak pasti pada masa akan datang. Dalam konteks ekonomi, tabungan ialah bocoran kepada ekonomi maksudnya duit itu kita simpan tidak digunakan untuk perbelanjaan. Pelaburan juga termasuk tabungan.

### Kos sara hidup

"Tabungan itu penting, jadi rancang perbelanjaan kita dan pastikan mempunyai tabungan secukupnya. Sebenarnya lebih baik kita berbelanja selepas menabung, kita peruntukan sejumlah wang untuk tabung dahulu," katanya.

Memahami kos sara hidup yang semakin tinggi, Mohd. Azlan berkata, memang terdapat kajian di negara ini yang menunjukkan sesetengah rakyat terutama yang berpendapatan rendah tidak dapat menabung kerana terpaksa menggunakannya untuk berbelanja.

"Isu utamanya ialah kos sara hidup meningkat, ramai mengutkannya dengan harga barang yang makin meningkat dan sebagainya. Namun, kita juga perlu melihat dari sudut corak perbelanjaan yang kita amalkan. Adakah kita berbelanja mengikut keperluan atau kebendah?"

"Sebagai contoh, pada zaman teknologi ini, kita tengok orang lain memakai gajet yang serba canggih dan hebat kita juga inginkannya sedangkan kita berbelanja perkara yang di luar keperluan kita," katanya.

Tegas beliau, jika orang ramai mengubah corak perbelanjaan, mereka mampu untuk harungi situasi ekonomi ini memandangkan terdapat kajian di negara ini purata peratusan peningkatan